

# JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

www.kastam.gov.my | Jabatan Kastam Diraja Malaysia | @KastamMalaysia | kastam.malaysia.official

11/11  
B/HAR 11/11  
ms 43



**Subromaniam (tengah)** bersama A Tuang dan Noriah pada sidang media di Melaka, semalam.

## 4 skop perkhidmatan cukai baharu

**Melaka:** Berkuat kuasa 1 Mac depan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akan memperluaskan empat lagi skop perkhidmatan bercukai baharu yang dikenalkan cukai perkhidmatan di bawah Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

Ketua Pengarahnya, Datuk Seri T Subromaniam, berkata perluasan cukai baharu itu membabitkan perkhidmatan pengendalian taman hiburan, penyediaan pembrokeran dan penaja jaminan, pembersihan serta penyediaan latihan atau tunjuk ajar.

Beliau berkata, penambahan skop perkhidmatan cukai baharu itu juga dijangka bakal membabitkan anggaran antara 5,000 hingga 10,000 syarikat berdaftar di seluruh negara, selain

tidak membebankan golongan keluarga berpendapatan 40 peratus terendah (B40).

"Mana-mana syarikat yang ada perkhidmatan dan nilai perkhidmatan bercukai melebihi RM500,000 setahun boleh mendaftar bermula esok (hari ini) atau sebelum 28 Februari ini.

### Tambah hasil kerajaan

"Secara keseluruhannya, kita jangka ada penambahan hasil oleh kerajaan pada tahun depan yang akhirnya hasil (SST) ini dikembalikan semula kepada rakyat, termasuk golongan B40," katanya di sini, semalam.

Subromaniam sebelum ini mengadakan lawatan ke Kompi Lekes Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Melaka, Jeti Marina, Melaka In-

ternational Cruise Terminal (MICT), pejabat JKDM Tanjung Bruas dan Pelabuhan Tanjung Bruas.

Yang turut hadir, Pengarah JKDM negeri, A Tuang dan Timbalan Pengarah JKDM negeri (Pengastaman/Cukai Dalam Negeri), Noriah Abd Rahman.

Subromaniam berkata, bermula hari ini juga, JKDM akan mengecualikan cukai perkhidmatan kepada orang berdaftar SST dalam Kumpulan G (kumpulan profesional) yang memberikan perkhidmatan sama kepada orang berdaftar lain dalam Kumpulan G.

Katanya, pengecualian cukai itu sudah diumumkan dalam ucapan Belanjawan 2019 oleh Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, sekali gus dapat mengelak

peningkatan kos akibat percukaian berganda dan mengekalkan daya saing industri perkhidmatan tempatan.

"Pengecualian cukai perkhidmatan ini diberi secara automatik kepada pendaftar cukai perkhidmatan dalam kumpulan sama, tetapi terhad kepada jenis perkhidmatan sama saja.

"Berikutan pengecualian cukai perkhidmatan ini, kita menjangka ia memberi manfaat antara 20,000 sehingga 25,000 syarikat menawarkan perkhidmatan profesional dan pengiklanan," katanya.

Beliau berkata, semakan status syarikat bakal menerima perkhidmatan berkenaan boleh dibuat di portal <https://mysst.customs.gov.my> di pautan 'Registration Status'.